

01/11/2003

Penyerahan kuasa bukti Dr M bukan diktator

DENGAN berakhirnya majlis mengangkat sumpah jawatan dan taat setia serta sumpah menyimpan rahsia di depan Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri

Agong, semalam, terpahat lah satu lagi jalinan sejarah tanah air dengan pelantikan Perdana Menteri Malaysia kelima, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Dari istiadat di Istana Negara beralih pula ke Putrajaya yang mana

seluruh negara menerusi siaran langsung televisyen, menyaksikan Tun Dr Mahathir Mohamad yang melepaskan jawatan Perdana Menteri keempat, secara simbolik menyerahkan tugas kepada Abdullah. Dengan selesainya kedua-dua majlis itu, menandakan berakhirnya pentadbiran kerajaan Dr Mahathir selama

22 tahun yang penuh dengan pelbagai cabaran dan tentunya berakhir dengan kejayaan cemerlang. Peralihan tugas dan kuasa berjalan lancar. Ia menjadi

kebanggaan negara kerana peralihan kuasa dan perubahan tampuk pentadbiran

negara disusun dengan teratur sekali.

Sejak mula menjawat jawatan Perdana Menteri pada 16 Julai 1981 hingga 31

Oktober 2003, Dr Mahathir melaksanakan tanggungjawab untuk menegakkan syiar agama, memajukan rakyat dan negara dengan penuh jujur tanpa mengenal

erti penat lelah. Dr Mahathir melepaskan teraju kepemimpinan negara kepada

Abdullah yang pastinya akan melantik barisan Kabinetnya untuk membantu beliau meneruskan perjuangan dan cita-cita membangunkan negara, sebagai kesinambungan usaha Dr Mahathir. Bukanlah semudah itu bagi seorang pemimpin melepaskan jawatan sewaktu berada di kemuncak dengan berpaksikan

kuasa yang cukup kuat. Tetapi, Dr Mahathir, sebagai pemimpin luar biasa, melakukannya, sekali gus menolak pandangan banyak pihak yang selama ini tidak yakin dengan sikap tegasnya. Mereka yang meramalkan bahawa Dr Mahathir hanya bersandiwara, kini mendiamkan diri kerana sedar bahawa mereka sebenarnya membuat tuduhan kepada seorang pemimpin yang mempunyai prinsip diri yang amat tinggi. Jika dunia sekalipun menyanjung Dr Mahathir

dan menyifatkan beliau adalah seorang pemimpin yang hebat, ia kena pada orang dan tempatnya.

Kelmarin, sewaktu membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-8 (RM-8), Dr Mahathir masih melakukan kerjanya bersungguh-sungguh tanpa sedikitpun memberi gambaran bahawa tempoh tugas beliau akan

berakhir keesokannya. Sehari sebelum itu, sewaktu mempengerusikan mesyuarat Kabinet, Dr Mahathir menjalankan urusan mesyuarat seperti biasa,

seolah-olah beliau lupa, mesyuarat Kabinet itu adalah buat kali terakhir yang dipengerusikannya.

Di manakah suara mereka yang menuduh Dr Mahathir sebagai pemimpin diktator? Pemimpin diktator tidak dengan mudah melepaskan jawatannya. Hakikatnya, selain daripada seorang manusia yang mempunyai visi, Dr Mahathir adalah pemimpin yang tidak mementingkan diri. Walaupun dihina dan dicaci dengan pelbagai tuduhan oleh penentangannya, beliau terus menjalankan tugasnya dengan tekun dan jujur. Kita mengharapkan mereka yang mencemuhkannya supaya melihat semula kebaikan yang ditaburkan oleh Dr Mahathir kepada negara ini.

Kini, pada Abdullah diletakkan harapan yang menggunung untuk meneruskan cita-cita dan perjuangan bagi menegakkan kedaulatan agama, bangsa dan negara. Walaupun cabaran yang akan dihadapi pada era Abdullah tidak kurang hebatnya, kita yakin beliau dapat mengatasinya dengan sokongan segenap lapisan rakyat. Dr Mahathir telah pun mendidik Abdullah dengan ilmu pemerintahan yang perlu diwarisi demi memartabatkan maruah negara. Oleh itu, tidak perlulah terlalu awal membandingkan kejayaan Dr Mahathir dan Abdullah kerana matlamatnya adalah sama - membangun negara dan menegakkan perpaduan bangsa. Abdullah mempunyai kekuatan tersendiri untuk menerapkan nilai-nilai suci di jiwa rakyat, mempunyai kecekapan untuk membangunkan negara serta ketegasan dalam menguruskan soal-soal politik. Barangkali, cabaran awal bagi Abdullah ialah pilihan raya umum akan datang yang dijadualkan tidak lama lagi.

Abdullah memerlukan mandat baru daripada rakyat untuk membolehkan beliau mentadbir dan merancang masa depan negara dengan lebih berkesan. Abdullah tidak akan bersendirian kerana rakyat yang menganggotai parti komponen Barisan Nasional (BN) ditunjangi Umno yang kini dipimpinnya, akan memberi keutamaan dalam memastikan kerajaan BN akan terus berkuasa. Abdullah yang secara automatik menjawat jawatan Pengerusi BN perlu memulakan langkah untuk mengatur strategi bagi menghadapi pilihan raya yang amat penting untuk dijadikan petunjuk awal kejayaan beliau dalam pemerintahan negara.